

Berita UniMAP

1,500 Pelajar UniMAP Sertai Program Baktasiswa Perdana



KANGAR, 16 Julai 2010 - Kira-kira 1,500 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyertai program Baktasiswa Perdana Siri IV selama tiga hari yang membabitkan 36 buah kampung di Perlis mulai 16 hingga 18 Julai 2010.

Sepanjang program tersebut, para peserta ditempatkan bersama 700 keluarga angkat di seluruh Perlis dan menyertai pelbagai kegiatan kemasyarakatan yang diadakan di kampung masing-masing.

Majlis Perasmian Program Baktasiswa Perdana disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Md. Isa Sabu di Dewan Terbuka Kolej Kediaman Wang Ulu.

Turut serta dalam program tersebut ialah 48 pelajar antarabangsa UniMAP termasuk dari China dan Uzbekistan.